



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

ILTIZAM 'ABCDT' DIPERKENALKAN SEBAGAI KOMPAS STRATEGIK DAN BUDAYA KERJA KPKT 2026

PUTRAJAYA, 20 JANUARI 2026 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming menetapkan asas perkhidmatan awam berteraskan nilai, sikap dan budaya kerja yang murni bagi memastikan ketelusan serta kecemerlangan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Komitmen ini dizahirkan beliau bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan menjadi keutamaan tertinggi kementerian semasa Majlis Amanat Tahun Baru 2026 yang berlangsung di Dewan Kristal, KPKT pagi ini

YB Nga Kor Ming memperkenalkan **iltizam ABCDT** sebagai pegangan dan kompas kerja buat seluruh warga kerja KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu dari peringkat pengurusan tertinggi hingga ke peringkat pelaksana. Iltizam ini menekankan lima (5) elemen teras bagi memperkukuh ketelusan dan kecemerlangan perkhidmatan :

- i. **AMANAHAH** : Melaksanakan tanggungjawab sebagai amanah rakyat dengan penuh jujur, beretika dan berintegriti. Setiap warga KPKT dituntut membuat keputusan tanpa kepentingan peribadi serta menjauhi sebarang salah laku, penyalahgunaan kuasa, atau kewujudan kartel.
- ii. **BERSIH** : Mengamalkan budaya sifar toleransi terhadap rasuah dan penyelewengan dalam setiap aspek kerja, termasuk pengurusan kertas kerja dan urusan bersama pihak berkepentingan.
- iii. **CEKAP** : Mengutamakan kepantasan dan efisiensi dalam penyampaian perkhidmatan. Rakyat menilai kementerian berdasarkan hasil yang nyata, justeru setiap tugas mestilah memberikan impak yang berkesan.
- iv. **DISIPLIN** : Memperkasakan disiplin kerja melalui pematuhan peraturan, ketepatan masa dan penghormatan terhadap prosedur sedia ada bagi menjamin kestabilan organisasi.

- v. **TEAM - KERJA BERPASUKAN** : Bergerak sebagai satu pasukan yang teguh di bawah slogan #StrongerTogether. Menghapuskan budaya kerja secara silo atau ego, serta saling bekerjasama demi menjadi organisasi yang lebih kuat dan cekal.

YB Nga Kor Ming berkata, “Tahun 2026 hadir dengan seribu satu peluang yang menuntut keberanian dan keyakinan seluruh warga kementerian. Beliau menyeru agar semua pihak melangkah tanpa ragu-ragu demi membina masa depan Malaysia yang lebih gemilang menerusi pemerkasaan iltizam ABCDT”.

Dalam amanat beliau, YB Nga Kor Ming turut mengumumkan **pencapaian KPKT bagi tahun 2025**. KPKT dilihat melakar sejarah baharu apabila berjaya menjangkau sasaran dan ekspektasi yang ditetapkan.

“Pencapaian ini adalah bukti komitmen jitu warga kementerian dalam memastikan setiap rakyat mempunyai akses kepada kediaman yang selamat dan selesa. Selain kecemerlangan dalam sektor perumahan, tahun 2025 turut mencatatkan **pencapaian luar biasa bagi KPKT** apabila prestasi kementerian secara keseluruhannya menjangkau sasaran dan ekspektasi yang ditetapkan. Pencapaian KPKT menjadi tunjang kepada kegemilangan KPKT sepanjang tahun 2025, antaranya:

- i. **Penyediaan Rumah Mampu Milik** : Sejumlah 511,544 unit telah disediakan setakat Disember 2025, melepasi sasaran asal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).
- ii. **Pemulihan Projek Sakit** : Sebanyak 1,333 projek perumahan swasta terbengkalai berjaya dipulihkan sepenuhnya, melibatkan 159,638 unit rumah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM126.47 bilion.
- iii. **Transformasi PBT**: Pelaksanaan 230 projek naik taraf infrastruktur saliran (RM50 juta) dan 29 projek pasar awam (RM26 juta) bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti.
- iv. **Pembangunan Kampung Baru Cina** : Penyempurnaan 868 projek pembangunan bagi meningkatkan daya huni persekitaran kampung.
- v. **Kebajikan Wira Merah** : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berjaya mengekalkan indeks respons pantas di bawah 10 minit di kawasan bandar utama walaupun mengendalikan lebih 36,000 kes kebakaran setahun.

- vi. **Kepengerusian ASEAN 2025** : KPKT telah menjadi tuan rumah kepada lima (5) persidangan dan forum tahun lepas iaitu Asean Real Estate Conference (AREC), Architecture, Interior Design, and Building Exhibition (ARCHIDEX), ASEAN Sustainable Urban Forum (ASUF), ASEAN Governors And Mayors Forum (AGMF) dan Meeting Of ASEAN Governors And Mayors Of Asean Capitals (MGMAF).

KPKT merupakan kementerian yang relevan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik dan inovatif dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat. Oleh yang demikian, tahun 2026 akan menjadi tahun penghijrahan KPKT dalam memperkasakan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat dan seterusnya mengangkat kementerian ke tahap yang lebih cemerlang dan berprestasi tinggi.

#MalaysiaMADANI
#Kemampahan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

